

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK
MOHAMAD [PASIR PUTEH]
TARIKH : 30 OKTOBER 2014
SOALAN :

YB Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bagaimana serta apakah pendekatan yang diguna oleh Kementerian bagi mengawal pengamal perubatan tradisional dan perubatan alternatif yang kelihatan begitu meluas pengamalannya dalam masyarakat di Malaysia. Apakah usaha Kerajaan untuk membendung penipuan dalam kaedah pengubatan ini.

Tuan Yang Dipertua,

Pertama sekali saya ingin memberikan sedikit pencerahan berhubung dengan penggunaan istilah 'perubatan alternatif'. Untuk makluman Ahli Dewan semua, konsep perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) yang diamalkan di Malaysia adalah sebagai pelengkap atau komplementari bagi perubatan moden.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak dapat menafikan bahawa penggunaan amalan PT&K semakin popular dan meningkat di kalangan rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, juga terdapat banyak kes penipuan yang dijalankan oleh individu yang tidak beretika. Pihak Kementerian telah mengambil pendekatan yang proaktif dalam memastikan perkhidmatan PT&K yang diterima oleh pengguna adalah selamat dan berkualiti.

Untuk makluman Ahli Dewan semua, Akta PT&K 2013 telah diwartakan pada 8 Februari 2013 dan sedang menunggu tarikh penguatkuasaan. Akta ini bertujuan untuk mengawalselia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Berdasarkan Akta ini, Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti enam bidang amalan utama di bawah PT&K iaitu perubatan tradisional Melayu, perubatan tradisional India, perubatan tradisional Cina, pengubatan Islam, homeopati dan terapi komplementari. Apabila Akta PT&K 2013 dikuatkuasakan, sebuah Majlis iaitu Majlis PT&K akan ditubuhkan dan semua pengamal PT&K perlu memenuhi kriteria pendaftaran yang ditetapkan oleh Majlis dan berdaftar dengan Majlis tersebut.

Pada ketika ini, sementara menunggu Akta PT&K 2013 untuk dikuatkuasakan, pihak Kementerian telah melantik lapan (8) badan pengamal bagi mewakili setiap bidang amalan yang telah dikenalpasti. Badan pengamal yang telah dilantik ini menjalankan kawal selia sendiri atau *self-regulation* berdasarkan kod amalan dan kod etika yang telah dibangunkan oleh pihak Kementerian dan juga perlembagaan pertubuhan tersebut.

Semenjak penubuhan Bahagian PT&K di KKM, pihak Kementerian telah banyak berkolaborasi dengan agensi Kerajaan dan pihak swasta dalam mengadakan kempen kesedaran dan jerayawara (*road show*) dengan tujuan memperkasakan pengguna atas hak mereka sebagai seorang pelanggan dalam mendapat perkhidmatan PT&K yang selamat dan berkualiti.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian sedang dalam peringkat akhir penggubalan Peraturan-Peraturan PT&K ke arah penguatkuasaan Akta ini. KKM berharap penguatkuasaan Akta PT&K 2013 kelak akan dapat meningkatkan profesionalisme pengamal selain dapat memastikan perkhidmatan PT&K di Malaysia adalah berkualiti, selamat dan berkesan. Tindakan perundangan atau prosiding tatatertib boleh diambil ke atas pengamal yang disabit kesalahan atau terlibat dalam salah laku professional apabila Akta ini dikuatkuasakan kelak.